Lawatan Teknikal ini telah diadakan pada 27 dan 28 November 2013 bagi meningkatkan kefahaman penggunaan sistem OSC Online versi yang telah ditambah baik di Majlis Perbandaran Alor Gajah. Lawatan ini telah melibatkan kakitangan agensi teknikal dalaman dan luaran bagi Jawatankuasa OSC MBPJ.

Anggaran Kasar Nilai Pembangunan (*Gross Development Value - GOV*) Dan Anggaran Kasar Nilai Kos Pembangunan (*Gross Development Cost - GOC*) Bagi Projek Yang Telah Diluluskan Di Petaling Jaya

Anggaran kasar nilai pembangunan bagi tahun 2013 adalah seperti di Rajah 6, manakala bagi anggaran kasar nilai kos pembangunan pula bagi tahun 2013 seperti Rajah 7 bagi projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di Petaling Jaya.



Rajah 6: Anggaran Kasar Nilai Pembangunan



Rajah 7: Anggaran Kasar Nilai Kos Pembangunan





Majlis Dan Sambutan Acara Rasmi

Majlis dan sambutan acara rasmi yang telah dilaksanakan oleh Unit OSC sebagai Urusetia Acara bagi tahun 2013 adalah seperti berikut :

Majlis Mesra Gong Xi Fa Cai Dan Sambutan Hari Cap Goh Mei

Majlis sambutan perayaan ini yang telah diadakan secara serentak pada 24/2/2013 telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Datin Paduka Alinah binti Ahmad. Taman Jaya, Seksyen 10 Petaling Jaya telah dipilih untuk menjadi lokasi sambutan tersebut.

Sepanjang majlis ini berlangsung pelbagai acara menarik yang berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Cina telah dipersembahkan dan seramai 3000 orang pelawat telah menghadiri majlis perayaan tersebut.



Rajah 8: Sambutan Majlis Mesra Gong Xi Fa Cai & Cap Goh Mei



Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013

Dengan slogan 'Ke Arah Bandar Sejahtera Masa Depan' Hari Perancang Bandar Sedunia 2013 telah disambut pada 8 November 2013. Setiap tahun Unit OSC akan mengedarkan kudapan ringan kepada staf MBPJ untuk memperingati sambutan hari tersebut.



Rajah 9: Staf Majlis yang hadir untuk mengambil kudapan ringan




Hari Air Sedunia 2013

Hari Air Sedunia telah disambut pada 22 Mac pada setiap tahun. Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam berkaitan dengan kepentingan menjaga sumber air serta berhemah dalam menggunakan air bersih yang telah dirawat. Bagi tahun 2013, sempena dengan tema sambutan Hari Air Sedunia iaitu "International Year of Water Cooperation", Unit OSC telah mengedarkan foldeble water bottle dan risalah kaedah penjimatkan air kepada semua kakitangan MBPJ yang mengunjungi Unit OSC pada hari tersebut.



Rajah 10: Logo sambutan Hari Air Sedunia 2013



Rajah 11: Jumlah staf Majlis yang hadir ke kaunter OSC untuk mengambil cenderahati sempena Hari Air Sedunia 2013

Earth Day 2013

- Bagi menjayakan sambutan Earth Day 2013 yang disambut oleh seluruh dunia pada 22 April setiap tahun, Unit OSC telah melancarkan kempen menggalakkan kakitangan MBPJ untuk menutup lampu selama 60 minit pada waktu prima sebelah malam hari tersebut.
- Sebagai penghargaan, Unit OSC telah memberikan cenderamata berupa lampu LED kepada kakitangan yang mengambil bahagian di dalam kempen ini.




Program-Program Low Carbon Green City Of Petaling Jaya


Rebat Cukai Taksiran Kepada Rumah Mesra Alam Hijau Petaling Jaya

- Skim Rebat Cukai Taksiran yang ditawarkan kepada rumah mesra alam di Petaling Jaya ini telah berjaya menarik penyertaan yang memberangsangkan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2011 sehingga sekarang.
- Pada tahun 2013, fokus skim ini adalah kepada penyertaan daripada pemilik rumah bertingkat dan perubahan sikap pemilik kediaman yang menyertai semula skim ini. Berikut merupakan maklumat permohonan bagi setiap tahun.

Rajah 12 : Jumlah Permohonan Yang Telah Diterima Pada Tahun 2011 Hingga 2013




Rajah 13: Jumlah Rebat Yang Diberikan






Rajah 14 : Jumlah Permohonan Yang Mendapat Rebat 100%.



Rajah 15 : Permohonan Yang Diterima Daripada Pemilik Kediaman Bertingkat





Rajah 16: Aktiviti penilaian yang dijalankan ke atas premis kediaman yang menyertai skim ini.

Selain itu skim rebat cukai taksiran kepada rumah mesra alam hijau Petaling Jaya telah dianugerahkan pingat perak sempena Green Apple Award oleh The Green Organisation yang beribupejabat di United Kingdom pada bulan Jun 2013. Selain daripada itu, MBPJ juga telah dilantik sebagai Green World Ambassador 2014 sempena pengiktirafan tersebut.




Rajah 17: Sijil pengiktirafan oleh The Green Organisation



Skim Insentif Tempat Letak Kereta Percuma Bagi Pemilik Kereta Hibrid

Skim tempat letak kereta percuma ini ditawarkan kepada pemilik kereta hibrid yang dibeli di Petaling Jaya sahaja. Tempoh tempat letak kereta percuma yang diberikan adalah selama 6 bulan. Selain mengalakkan perniagaan di wilayah Petaling Jaya, program ini juga mengalakkan mereka yang tinggal atau bekerja di Petaling Jaya agar menggunakan kenderaan yang mesra alam dan kurang pencemaran.

Rajah 18 : Bilangan Pas Bulanan Yang Telah Dikeluarkan



Rajah 19 : Pelekat Pas Bulanan




Unit OSC telah mengambil langkah proaktif dengan menggunakan kereta hibrid sebagai kenderaan rasmi dalam usaha untuk menyokong pengurangan karbon di Petaling Jaya. Sehubungan itu, prestasi kereta tersebut telah direkodkan seperti berikut :

Rajah 20 : Rekod Prestasi Kereta Hibrid

Bulan	Liter	Kilometer	KM/LITER
Jun	172	2236	13
Julai	172.5	2244	13
Ogos	115.8	1606	13.9
September	136	1929	14.2



Rajah 21 : Penggunaan Setiap Liter Bahan Bakar Untuk Kilometer



Hasil analisa mendapati prestasi kereta hibrid Unit OSC dari segi penjimatan minyak bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:-

- Kaedah pemanduan
- Sistem kereta tersebut
- Jarak perjalanan

Rajah 22 : Kereta Hibrid Unit OSC






Program Pemasangan Lampu LED Di Lorong Belakang


Skim ini ditawarkan kepada pemilik kediaman yang memiliki lorong belakang sahaja. Skim ini turut merupakan salah satu program di bawah Program Bandar Selamat MBPJ untuk menerangi kawasan lorong belakang kediaman bagi mencegah jenayah dan sebagainya.

Pemasangan lampu LED di lorong belakang kawasan perumahan dilakukan atas prinsip *public-private initiative*, iaitu kos pemasangan ditanggung oleh Majlis dan kos bayaran bil elektrik bulanan ditanggung oleh pemilik kediaman. Kos pemasangan termasuk 1 unit lampu LED dan 1 unit *timer* ialah RM 262 manakala pemilik kediaman hanya perlu membayar kos elektrik sebanyak RM 17.77 setahun.

Rajah 23 : Bilangan Permohonan Yang Telah Diterima



Rajah 24 : Jumlah Kos Yang Terlibat





Rajah 25 : Pemasangan Lampu LED Di Rumah Kediaman




Projek Pengkomposan Sisa Pasar Jalan Othman

Pada 21 Mac 2013, MBPJ telah melancarkan projek pengkomposan bahan organik di Pasar Jalan Othman Sek.4, Petaling Jaya. Projek yang dijalankan secara usahasama ShenceGreen Tech Sdn. Bhd. Ini diperkenalkan untuk membantu para peniaga di pasar tersebut melupuskan sisa organik yang dihasilkan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Pusat pengkomposan tersebut dijangka dapat memproses sebanyak 2 tan sisa organik setiap hari.






Rajah 26 : Berat Sisa Organik Yang Telah Diproses



Rajah 27 : Projek Pengkomposan Sisa Organik Pasar Jalan Othman, Sek. 4, Petaling Jaya





Bengkel / Latihan Kesedaran / Pendidikan Berkarbon Rendah

Bagi memantapkan lagi kesedaran awam berkaitan Low Carbon Green City of Petaling Jaya pelbagai program, bengkel, latihan kesedaran dan pendidikan berkarbon rendah telah dilaksanakan. Berikut merupakan aktiviti tersebut :

Bil.	Perkara	Tarikh perlaksanaan
1.	Taklimat sempena program Green Office Sime Darby	22 April 2013
2.	Bengkel LCCF dan Lawatan Teknikal Ke Melaka	9 – 11 Mei 2013
3.	Pameran Hari Alam Sekitar Sedunia anjuran Jabatan Kesihatan & Persekutuan di Desa Temuan	5 Jun 2013
4.	Seminar Strata COB bertempat di Dewan D'Kelana	7 Julai 2013
5.	Syarahan Umum Sentral Senior Citizen	9 Julai 2013
6.	Bengkel Mini Cadangan Peluasan Larangan Styrofoam Di Petaling Jaya	22 Ogos 2013
7.	Program Coffee Talk : Talking More Rubbish	11 Oktober 2013
8.	Bengkel Pengenalan LCCF Kepada Taska / Tadika	28 – 30 November 2013
9.	Seminar / Bengkel Komuniti perniagaan W.A.T.E.R Project – Sg. Way Rehabilitation Programme	18 Disember 2013
10.	Latihan Kesedaran LCCF kepada staf MBPJ – Energy & Water Savings	19 Disember 2013

Aktiviti Lain Oleh Staf Unit OSC

Jamuan Hari Staf

Majlis ini telah diadakan pada 6 September 2013. Pada hari tersebut semua staf Unit OSC akan membawa juadah masing-masing.

Luncheon

Telah menjadi kelaziman di Unit OSC akan mengadakan luncheon pada setiap bulan. Aktiviti ini dapatkan mengeratkan semangat kerjasama dan kemesraan antara staf Unit OSC.



Rajah 28 : Aktiviti Luncheon yang telah diadakan





Aktiviti 5S Unit OSC

5S dilaksanakan untuk menyelaraskan sesuatu tempat itu tersusun, kemas dan bersistematik. Bermula tahun 2013, Unit OSC telah menyertai aktiviti ini.



Rajah 29: Aktiviti 5S

Cabarani Dan Prospek 2014


Kepesatan pembangunan sesuatu kawasan telah memberikan impak yang positif dan negatif kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguruskan kawasan ditadbir. Sebahagian tugas Unit OSC ialah menerima, menyemak dan memantau permohonan kelulusan pembangunan yang diusulkan kepada Majlis oleh pihak perunding yang dilantik oleh pemilik atau pemaju projek.


Cabarani pada tahun 2013 yang telah dihadapi oleh Unit OSC antaranya ialah mengaplikasikan penggunaan sistem permohonan dalam talian iaitu OSC *Online* untuk jenis pelan selain Permohonan Kebenaran Merancang. Pada permulaan semasa melaksanakan dasar Majlis ini iaitu pada 1 Januari 2013 terdapat banyak rungutan dari para perunding berkaitan sistem ini adalah kerana kebanyakkan para perunding tersebut tidak secara inisiatif sendiri untuk hadir ke kaunter OSC yang telah menyediakan khidmat Klinik OSC *Online* setiap hari Isnin dan Jumaat. Klinik ini akan memberikan tunjuk ajar secara praktikal di kaunter dengan penyediaan set komputer, dikendalikan oleh staf yang bertugas. Maka untuk tahun 2014, Unit OSC masih tetap akan meneruskan khidmat Klinik ini sebagai salah satu inisiatif yang disediakan kepada para perunding yang pertama kali atau telah mempunyai pengalaman dalam membuat permohonan kelulusan pelan pembangunan dalam talian di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Selain itu perluasan penggunaan sistem ini akan diteruskan kepada jenis pelan-pelan seperti pelan bangunan yang mempunyai hakmilik strata. Juga dijangkakan cabaran bagi Unit OSC pada tahun 2014 adalah modul penambahbaikan OSC akan dilaksanakan bermula 1 Jun 2014, mungkin akan terdapat rungutan dari perunding dalam mendapatkan kelulusan agensi teknikal yang terlibat. Selain daripada itu bilangan permohonan yang akan diterima dan perlu pemantauan pada tahun 2014 mungkin akan meningkat berdasarkan trend aliran penerimaan permohonan tahun ini yang melebihi penerimaan permohonan tahun 2008.



Program-program Low Carbon Green City of Petaling Jaya yang dilaksanakan untuk tahun 2013 telah berjaya disempurnakan dengan jayanya. Cabaran yang dihadapi pada tahun 2013 ini ialah komuniti kurang peka dengan program-program yang dijalankan walaupun pihak pasukan petugas Low Carbon Green City of Petaling Jaya telah mengambil pelbagai langkah untuk mempromosikan program-program yang dijalankan. Bagi meneruskan agenda kesedaran awam berkaitan program Hijau yang mampu memberikan manfaat yang sangat berguna kepada komuniti Petaling Jaya, maka untuk tahun 2014 pasukan petugas Low Carbon Green City of Petaling Jaya akan meneruskan program-program sediada dan merancang program yang mampu memberikan lebih lagi manfaat kepada komuniti Petaling Jaya. Media massa baru seperti Facebook, Twitter, WhatsApp dan sebagainya akan digunakan untuk menghebahkan program yang dilaksanakan kepada komuniti Petaling Jaya.









Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya





Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Fungsi

- Mengawal pengurusan dan penyelenggaraan bangunan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC).
- Menerima dan mengurus aduan awam.
- Menyemak dan memastikan akaun penyelenggaraan bangunan beraudit dikemukakan.
- Menjalankan pendakwaan dan penguatkuasaan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663].
- Mengurus hal ehwal pentadbiran pejabat Unit Pesuruhjaya Bangunan.

Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Tahun 2013

- Unit COB telah menganjurkan program dan seminar sebanyak 2 kali iaitu MBPJ Bersama Penghuni Berstrata serta Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata pada 7 Julai 2013 dan 16 Oktober 2013 di Dewan D'Kelana dan Dewan Sivik MBPJ. Kumpulan sasaran seminar adalah terdiri daripada JMB, MC, Persatuan Penduduk serta kakitangan pengurusan yang terlibat secara langsung dalam menguruskan penyenggaraan bangunan di kawasan Berstrata kawasan MBPJ.
- Objektif menganjurkan seminar dan program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman peserta seminar mengenai kepentingan aspek pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata terhadap kualiti kehidupan penghuni. Selain itu, JMB/MC memperolehi pengetahuan mengenai aspek-aspek penting di dalam sesebuah pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata, memberi penerangan mengenai hak dan peranan JMB di samping membina hubungan yang baik di antara Kementerian Perumahan, Kerajaan Negeri, setiap Jabatan MBPJ, Pesuruhjaya Bangunan (COB), JMB/MC dan pembeli/pemilik petak.
- Selain itu Unit COB juga menganjurkan Lawatan Sambil Belajar Ke JMB Contoh di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 14 April 2013. Objektif lawatan tersebut ialah untuk meningkatkan pengetahuan peserta lawatan mengenai pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman yang dilalui oleh kawasan pemajuan yang telah berjaya meningkatkan kualiti kehidupan penghuninya.
- Lawatan tersebut juga telah meningkatkan kesedaran peserta lawatan mengenai kepentingan aspek pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata dan impaknya terhadap kualiti hidup penghuninya di samping memberikan pemahaman kepada peserta lawatan terhadap hak dan peranan Badan Pengurusan Bersama.






Penceramah jemputan En. Anthony Wong sedang memberi penerangan berkenaan Akta Pengurusan Strata (Akta 757) pada seminar 6 Oktober 2013 yang lalu.



Ucapan pembukaan daripada Ketua Unit COB, Cik Norshabani Johari sempena lawatan sambil belajar JMB dan persatuan penduduk ke Flat Nusa Kurnia yang diiktiraf Flat Contoh Kawasan MPAJ.





Penerangan berkenaan Pengutkuatkuasaan Binaan Tanpa Kebenaran kawasan hak milik bersama JMB/MC oleh En. Ismathinoon, Penolong Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MBPJ









Penyata Kewangan Berakhir Pada 31 Disember 2013





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persempahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko





tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.


(ANG NAI HAR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SHAH ALAM

19 OGOS 2014





**KENYATAAN OLEH DATUK BANDAR DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Kami, Datin Paduka Alinah Binti Ahmad, Datuk Bandar dan Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangsan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

DATIN PADUKA ALINAH BINTI AHMAD

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

AZRI BIN MOHAMAD ARISH

Ahli Majlis,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tarikh : **30 APR 2014**

Tarikh : **30 APR 2014**





PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Saya, HAJAH SA'DIYAH BINTI KHASIMAN K.P. NO. 601207-01-5060 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan ikhlasnya mengakui bahawa, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang yang berikut ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh
Penama di atas HAJAH SA'DIYAH BINTI KHASIMAN }
Di Petaling Jaya
Pada *[Signature]*



Dihadapan saya :

[Signature]

30 APR 2014



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2013**

	NOTA	2013	2012
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji & Peralatan	5	98,819,928	109,577,774
		<u>98,819,928</u>	<u>109,577,774</u>
ASET SEMASA			
Penghutang	6	22,172,152	24,175,979
Lain-lain Penghutang, Deposit dan Prabayar	7	3,479,548	4,888,527
Simpanan Tetap/Pelaburan Jangka Pendek	8	365,535,095	285,000,000
Tunai di Bank & di Tangan	9	36,464,848	34,760,057
		<u>427,651,643</u>	<u>348,824,563</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang dan Akruan	10	93,595,631	85,847,393
Wang Amanah	11	147,135	151,420
		<u>93,742,766</u>	<u>85,998,813</u>
ASET SEMASA BERSIH			
		<u>333,908,877</u>	<u>262,825,750</u>
		<u>432,728,805</u>	<u>372,403,524</u>

DIBIAYAI OLEH :

Kumpulan Wang Terkumpul	12	300,550,977	272,868,241
Kumpulan Wang Pinjaman	13	1,379,525	1,311,061
Kumpulan Tabung Amanah	14	114,667,668	80,467,047
		<u>416,598,170</u>	<u>354,646,349</u>
Bantuan Kerajaan Tertunda	15	16,130,635	17,757,175
		<u>432,728,805</u>	<u>372,403,524</u>

(DATIN PADUKA ALINAH BINTI AHMAD)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

(HAJAH SADIYAH BINTI KHASIMAN)
Pengarah Jabatan Perbendaharaan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tarikh : **30 APR 2014**

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 16 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	2013 (RM)	2012 (RM)
HASIL		
HASIL CUKAI		
Cukai Taksiran Am	199,188,224	192,344,725
Caruman Bantu Kadar	1,745,318	1,607,726
JUMLAH HASIL CUKAI	200,933,542	193,952,451
HASIL BUKAN CUKAI		
Lesen dan Permit	20,176,130	18,161,999
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	23,771,200	26,097,404
Perolehan Daripada Jualan	1,221,697	1,129,350
Sewaan	16,958,304	18,572,829
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	14,729,881	12,297,762
Denda dan Hukuman	13,739,636	12,355,105
Sumbangan dan Bayaran Gantirugi Dari Luar Negara dan Sumbangan Tempatan	6,102,782	291,677
JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI	96,699,630	88,906,126
TERIMAAN BUKAN HASIL		
Peruntukan Hutang Ragu	3,480,092	-
Pulangbalik Perbelanjaan	1,812,723	1,810,550
Geran Kerajaan	1,157,282	1,517,083
Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan	5,469,258	4,255,020
JUMLAH TERIMAAN BUKAN HASIL	11,919,355	7,582,653
JUMLAH HASIL	309,552,527	290,441,230
PERBELANJAAN		
EMOLUMEN		
Gaji dan Upahan	38,681,690	35,054,558
Elaun dan Lain-lain/Elaun Tetap	20,405,424	17,541,111
Sumbangan Berkanun Kakitangan Awam	7,342,631	6,603,397
Elaun Lebihmasa	7,252,188	6,695,994
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	446,771	505,265
JUMLAH EMOLUMEN	74,128,704	66,400,325
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup	2,498,224	2,499,632
Pengangkutan Barang-barang	13,834	11,567
Perhubungan dan Utiliti	15,876,395	16,347,635
Sewaan	2,060,501	2,193,133
Bahan Makanan dan Minuman	38,965	44,943



	2013 (RM)	2012 (RM)
Bekalan Bahan Mentah	4,847,268	4,914,390
Bekalan dan Bahan-bahan lain	8,919,852	10,802,630
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	21,333,504	38,258,923
Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Lain	95,788,255	94,417,432
Yang Dibeli & Hospitaliti		
JUMLAH PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	151,376,798	169,490,285
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP		
Pemberian Dalam Negeri	1,536,001	859,700
JUMLAH PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	1,536,001	859,700
PERBELANJAAN LAIN-LAIN		
Bayaran-bayaran Lain	4,176,544	3,320,643
Pulangan Balik & Hapuskira	3,589	35,513
Belanja Hutang Ragu	-	594,326
Susutan	20,169,307	17,973,583
JUMLAH PERBELANJAAN LAIN-LAIN	24,349,440	21,924,065
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		
Tempat Kemudahan Awam	16,195,833	5,185,473
Tempat Kemudahan Perniagaan	254,710	212,197
Jalan, Perparitan dan Jambatan	11,396,681	3,128,762
Pejabat dan Bangunan	1,535,663	1,107,135
PJIS	1,095,961	573,090
JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	30,478,848	10,206,657
JUMLAH PERBELANJAAN	281,869,791	268,881,032
LEBIHAN BERSIH	27,682,736	21,560,198

(DATIN PADUKA ALINAH BINTI AHMAD)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

(HAJAH SA'DIYAH BINTI KHASIMAN)
Pengarah Jabatan Perpendaharaan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tarikh : **30 APR 2014**

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 16 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	2013 RM	2012 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Terimaan tunai daripada pelanggan	316,445,425	291,483,864
Pembayaran tunai kepada pembekal dan pekerja	(239,860,342)	(239,366,543)
Tunai Yang Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi	<hr/> 76,585,083	<hr/> 52,117,321
 Tambah		
Susutnilai	20,169,307	17,973,583
Pelarasan Kos Aset dan Susutnilai	(3,476,503)	98,518
Kerja Dalam Pelaksanaan	-	1,071,223
Peruntukan Hutang Ragu dan Hapuskira	(3,788,396)	594,326
Pelarasan Tahun Lalu	-	(621,086)
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi	<hr/> 89,489,491	<hr/> 71,233,885
 ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	5,623,065	11,642,012
Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan	1,626,540	772,103
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburhan	<hr/> 7,249,605	<hr/> 12,414,115
 Pertambahan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	82,239,886	58,819,770
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Awal Tahun	319,760,057	260,940,287
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun	<hr/> 401,999,943	<hr/> 319,760,057

(DATIN PADUKA ALINAH BINTI AHMAD)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tarikh : **30 APR 2014**

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 16 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

(HAJAH SA'DIYAH BINTI KHASIMAN)
Pengarah Jabatan Perbendaharaan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	Kumpulan Wang Majlis	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Tabung Amanah	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1hb Januari 2012 Seperti dilaporkan	251,929,129	489,227	767,978	65,317,743	318,504,077
(+) Tambahan Kumpulan Tabung Amanah	-	-	-	15,149,304	15,149,304
(+) Tambahan /(-) Kurangan Kumpulan Wang Pinjaman	-	(16,819)	70,675	-	53,856
(-) Pelarasan tahun sebelumnya	(621,086)	-	-	-	(621,086)
(+) Lebihan tahun semasa	21,560,198	-	-	-	21,560,198
Baki pada 31hb Disember 2012	272,868,241	472,408	838,653	80,467,047	354,646,349
(+) Tambahan Kumpulan Tabung Amanah	-	-	-	34,200,621	34,200,621
(+) Tambahan /(-) Kurangan Kumpulan Wang Pinjaman	-	(1,124)	69,588	-	68,464
(+) Lebihan tahun semasa	27,682,736	-	-	-	27,682,736
Baki pada 31hb Disember 2013	<u>300,550,977</u>	<u>471,284</u>	<u>908,241</u>	<u>114,667,668</u>	<u>416,598,170</u>

(DATIN PADUKA ALINAH BINTI AHMAD)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tarikh : **30 APR 2014**

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 16 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

(HAIAT SA'DIYAH BINTI KHASIMAN)
Pengarah Jabatan Perbendaharaan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. AKTIVITI UTAMA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Aktiviti utama Majlis adalah melibatkan perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan serta kemudahan awam perbandaran kepada penduduk, peniaga, industri dan institusi di kawasan Petaling Jaya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 **Asas-Asas Perakaunan**

Akaun-akaun Majlis disediakan berdasarkan kepada kos sejarah selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Perbendaharaan, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

2.2 **Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan.**

2.2.1 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan Majlis daripada Hasil Cukai Taksiran, Caruman Bantuan Kadar, Notis Cukai Taksiran, Sewaan, Hasil Letak Kereta dan Keuntungan Simpanan Tetap Al-Mudharabah diambil kira menurut asas akruan. Lain-lain hasil dikira menurut asas tunai pada tarikh hasil diterima.

2.2.2. Geran Pembangunan dan Geran Keseimbangan daripada Kerajaan Negeri / Persekutuan

Perbelanjaan Pembangunan yang dibiayai melalui geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah dimodalkan dan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan mengikut tempoh jangka hayat harta yang dipermodalkan.

Geran Keseimbangan yang diterima bagi tujuan membiayai pembelian aset adalah dipermodalkan dan dilunaskan mengikut tempoh jangka hayat aset tersebut. Manakala geran keseimbangan yang diterima bagi membiayai perbelanjaan pengurusan diiktiraf sebagai hasil semasa.

2.2.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Semua perbelanjaan diambil kira menurut asas akruan.

2.3 **Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susutnilai**

2.3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan yang dipermodalkan

Hartanah, loji dan peralatan yang dipermodalkan adalah yang bernilai RM1,000 seunit ke atas. Manakala nilai hartanah, loji dan peralatan yang kurang daripada nilai RM1,000 setiap unit diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa.



DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi tanpa pembayaran oleh Majlis atau pemberian oleh Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri / individu dan syarikat adalah diiktiraf dengan nilai nominal berjumlah RM1.

2.3.2 Bangunan Majlis di atas Tanah Kerajaan

Aset bangunan yang dibina oleh Majlis di atas tanah kerajaan diambilkira sebagai aset Majlis berdasarkan kepada tanah tersebut telah digazetkan sebagai tanah kerajaan untuk tempat kemudahan awam.

2.3.3 Tanah dan Perlunasan Nilai Tanah

Tanah hak milik pegangan bebas tidak disusutnilai. Manakala tanah-tanah pajakan dilunaskan berdasarkan tempoh pajakan tanah tersebut.

Tanah yang telah diwartakan sebagai tempat kemudahan awam / kawasan lapang adalah diiktiraf sebagai aset Majlis dengan nilai nominal berjumlah RM1.

Surat hakmilik asal tanah Majlis bermombor hakmilik HSD79497, HSD114970 dan PT6666 dengan nilai buku bersih RM1.76 juta masih belum diperolehi daripada Pejabat Tanah. Manakala tanah Majlis bermombor hakmilik HSD108099 nilai buku bersih berjumlah RM12.32 juta di dalam proses penjualan kepada PKNS. Harga penjualan yang dipersetujui adalah RM80juta.

2.3.4 Kadar Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan Majlis disusutnilai mengikut kaedah garis lurus pada kadar seperti berikut :-

Bangunan	5%
Kenderaan & Kelengkapan Pejabat	20%
Jentera, Sistem Komputer dan Buku	33 1/3%
Kemudahan & Pembaikan	100 %

2.4 Penghutang

- 2.4.1. Penghutang dinyatakan pada nilai bersih selepas ditolak peruntukan hutang rugu.
- 2.4.2. Mulai tahun 2013, peruntukan umum hutang rugu ke atas cukai taksiran, tunggakan sewa dan pelbagai penghutang adalah bagi tunggakan yang berusia 5 tahun dan ke atas. Bagi tahun-tahun sebelumnya, peruntukan umum hutang rugu disediakan bagi tunggakan yang berusia 4 tahun dan ke atas.

2.5 Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada nilai kos semasa pelaburan dilakukan kecuali pelaburan di Amanah Raya Berhad dimana nilai pelaburan dinyatakan pada nilai kos semasa pelaburan serta keuntungan yang telah diterima dan dilabur semula pada tarikh ianya diterima. Tempoh matang pelaburan ialah di antara 1 bulan hingga 36 bulan dan kadar keuntungan efektif ialah di antara 3.30 % hingga 4.05 % setahun.

2.6 Tunai dan Persamaan Tunai

Tunai dan persamaan tunai adalah tunai di tangan, deposit jangka pendek dan pelaburan cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui.



DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.7 Instrumen Kewangan

- 2.7.1 Instrumen kewangan diiktiraf dalam Lembaran Imbangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan instrumen yang dibuat secara kontrak. Dasar pengiktirafan dan pengukuran perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.
- 2.7.2 Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan peruntukan dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen dan keuntungan serta kerugian berkaitan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan.

2.8 Pemutang

Pemutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan.

2.9 Wang Amanah

Wang Amanah merupakan wang yang diterima daripada pihak pemaju atau pihak kerajaan negeri untuk membangunkan sesuatu projek yang kosnya ditanggung bersama. Wang ini digunakan untuk membayar kepada pembekal atau pemaju projek tersebut.

2.10 Kumpulan Tabung Amanah

- 2.10.1 Kumpulan tabung amanah diwujudkan mulai tahun 2009 di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan terimaan daripada sumber-sumber tertentu bagi membiayai perbelanjaan atau projek yang telah ditentukan semasa tabung amanah tersebut diwujudkan.
- 2.10.2 Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Marris diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan geran yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri. Geran ini digunakan untuk membiayai kos penyelenggaraan termasuk pemeliharaan, penjagaan, pemulihan jalan, perabut tepi jalan, jambatan, dan pembentungan (saliran) yang menjadi sebahagian daripada jalan.

2.11 Pinjaman Kakitangan (Komputer dan Kenderaan)

	2013 RM	2012 RM
Pembentangan pinjaman bersih		
Dalam tempoh satu tahun	60,049	63,912
Lebih dari satu tahun dan kurang 5 tahun	60,426	125,027
	<hr/> <hr/> <hr/> 120,475	<hr/> <hr/> <hr/> 188,939

- 2.11.1 Kadar keuntungan yang dikenakan ialah 4% setahun masing-masing bagi pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan mengikut kaedah baki berkurangan.



DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.12 Matawang Asing

- 2.12.1 Transaksi matawang asing direkod dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran transaksi berlaku. Kadar pertukaran untuk aset dan liabiliti yang melibatkan matawang asing dinyatakan pada tarikh Lembaran Imbangan. Keuntungan atau kerugian akibat pertukaran wang asing diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan.

	2013 RM	2012 RM
1 US Dollar	3.2755	3.0580
1 SG Dollar	2.5895	2.5032

- 2.12.2 Bagi pertukaran matawang asing yang melibatkan pelaburan simpanan tetap Al-Mudharabah ia berdasarkan kepada tukaran matawang asing yang ditetapkan dan dipersetujui semasa perletakan simpanan tetap tersebut.

2.13 Faedah Kakitangan

- 2.13.1 Faedah kakitangan jangka pendek

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, dan caruman keselamatan sosial. Faedah tersebut diakru apabila terjadi dan dikira pada asas yang tidak didiskaunkan.

- 2.13.2 Faedah selepas perkhidmatan

2.13.2.1 Pelan Sumbangan Ternyata

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

2.13.2.2 Faedah Persaraan

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

2.14 Pengurangan nilai aset

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh Lembaran Imbangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset berkenaan dianggarkan. Amaun yang boleh diperoleh semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan. Amaun yang boleh diperoleh semula dijangka untuk aset individu atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian Pengurangan nilai dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperolehi semula bagi aset yang diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian pengurangan nilai terdahulu dan diiktirafkan setakat amaun dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai diiktirafkan sebelum itu. Kebalikan ini diiktirafkan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.



DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.15 Komitmen Modal

Komitmen Modal	2013 RM	2012 RM
i) Diluluskan dan Dikontrakkan	2,958,182	3,450,000
ii) Diluluskan	-	-
	<u>2,958,182</u>	<u>3,450,000</u>

Komitmen modal yang 'Dilulus dan dikontrakkan' merupakan pesanan rasmi dan arahan kerja yang telah dikeluarkan tetapi penerimaan bekalan atau kerja belum dilaksanakan setakat 31 Disember 2013. Manakala komitmen modal yang 'Diluluskan' pula merujuk kepada perolehan yang diluluskan untuk urusan penyediaan kontrak dan pesanan.

2.16 Percukaian

Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan.

3. INSTRUMEN KEWANGAN

3.1. Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah dimana instrumen kewangan akan berubah akibat dari perubahan pada kadar faedah di pasaran berdasarkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti kewangan adalah seperti berikut :-

	Jumlah (RM)	Kadar Faedah % (Variasi)
2013		
<i>Instrumen kewangan</i>		
Simpanan TetapAl-Mudharabah	340,535,095	3.30 < 4.05
Pelaburan jangka pendek	25,000,000	2.95
Tunai di bank dan di tangan	36,464,848	-
2012		
<i>Instrumen kewangan</i>		
Simpanan TetapAl-Mudharabah	275,000,000	3.30 < 5.00
Pelaburan jangka pendek	10,000,000	2.80
Tunai di bank dan di tangan	34,760,057	-

3.2 Risiko kredit

Risiko kredit maksimum berkaitan dengan aset kewangan yang dikenalpasti adalah nilai bawaan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan.

4. KAKITANGAN DAN PEKERJA

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, kedudukan kakitangan Majlis adalah seperti berikut :

Butiran	A	B	C	D	IMG	Jumlah
Tetap	59	134	603	90	344	1,230
Kontrak	16	79	347	25	11	478
Jumlah	75	213	950	115	355	1,708



5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - RM 98,819,928

	Tanah RM	Bangunan RM	Kemudahan & Pembaikan RM	Kenderaan RM	Jumlah A RM
Nilai Buku Bersih					
Pada 1/1/2013	19,640,780	79,379,817	-	4,060,128	103,080,725
Penambahan	-	-	508,480	3,284,489	3,792,969
Pelarasan Kos Aset (Caj Susutnilai Semasa)	196	3,788,200	-	-	3,788,396
	(603,146)	(13,868,577)	(508,480)	(2,092,927)	(17,073,130)
Pada 31/12/2013	19,037,830	69,299,440	-	5,251,690	93,588,960
Pada 31/12/2013	23,571,021	322,185,593	58,017,978	31,275,108	435,049,700
Kos	(4,533,191)	(252,886,153)	(58,017,978)	(26,023,418)	(341,460,740)
Susutnilai Terkumpul					
Nilai Buku Bersih	19,037,830	69,299,440	-	5,251,690	93,588,960
Pada 31/12/2012	23,570,825	318,397,393	57,509,498	27,990,619	427,468,335
Kos	(3,930,045)	(239,017,576)	(57,509,498)	(23,930,491)	(324,387,610)
Susutnilai Terkumpul					
Nilai Buku Bersih	19,640,780	79,379,817	-	4,060,128	103,080,725
	Jentera RM	Kelengkapan Pejabat RM	Kumpulan Buku- Buku RM	Jumlah B RM	JUMLAH BESAR A + B RM
Pada 1/1/2013	2,079	5,845,813	649,157	6,497,049	109,577,774
Penambahan	-	1,161,821	668,275	1,830,096	5,623,065
Pelarasan Kos Aset (Caj Susutnilai Semasa)	-	-	-	-	3,788,396
	(2,443,966)	(652,211)	(3,096,177)	(20,169,307)	
Pada 31/12/2013	2,079	4,563,668	665,221	5,230,968	98,819,928
Pada 31/12/2013	11,785,388	35,987,170	8,619,210	56,391,768	491,441,468
Kos	(11,783,309)	(31,423,502)	(7,953,989)	(51,160,800)	(392,621,540)
Susutnilai Terkumpul					
Nilai Buku Bersih	2,079	4,563,668	665,221	5,230,968	98,819,928
Pada 31/12/2012	11,785,388	34,825,349	7,950,936	54,561,673	482,030,008
Kos	(11,783,309)	(28,979,536)	(7,301,779)	(48,064,624)	(372,452,234)
Susutnilai Terkumpul					
Nilai Buku Bersih	2,079	5,845,813	649,157	6,497,049	109,577,774

**6. PENGHUTANG-RM 22,172,152**

	2013 RM	2012 RM
1) Tunggakan Cukai Taksiran	37,590,789	43,208,059
2) Tunggakan Sewa Pelbagai	2,743,511	2,691,893
3) Hasil Cukai Belum Terima Dari Pelbagai Agensi	168,863	87,130
	<hr/>	<hr/>
Peruntukan Hutang Ragu	40,503,163	45,987,082
*	(18,331,011)	(21,811,103)
	<hr/>	<hr/>
	22,172,152	24,175,979

* Peruntukan hutang ragu bagi tahun 2013 dibuat untuk tunggakan sewa, cukai taksiran dan pelbagai penghutang yang berusia 5 tahun dan ke atas, manakala bagi tahun 2012 peruntukan hutang ragu adalah berdasarkan amaun tunggakan yang berusia 4 tahun dan ke atas.

7. LAIN-LAIN PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR-RM 3,479,548

	2013 RM	2012 RM
1) Keuntungan Terakru	2,626,248	4,185,227
2) Deposit Dibayar	853,300	703,300
	<hr/>	<hr/>
	3,479,548	4,888,527

8. SIMPANAN TETAP/ PELABURAN JANGKA PENDEK - RM365,535,095

	2013 RM	2012 RM
1) Al-Mudharabah - Simpanan Tetap	340,535,095	275,000,000
2) Al-Mudharabah - Wang Pasaran	25,000,000	10,000,000
	<hr/>	<hr/>
	365,535,095	285,000,000

9. TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN - RM 36,464,848

	2013 RM	2012 RM
1) Wang Runcit	16,800	16,191
2) Wang Dalam Tangan	976	569
3) Bank	36,447,072	34,743,297
	<hr/>	<hr/>
	36,464,848	34,760,057

10. PEMIUTANG DAN AKRUAN - RM93,595,631

	2013 RM	2012 RM
1) Pelbagai Pemiutang	16,053,364	15,542,891
2) Cagaran Diterima	73,053,025	67,079,687
3) Sewa Terima Terdahulu	552,211	556,367
4) Cukai Taksiran Terdahulu	5,915	1,460
5) Cek Ganti	3,931,116	2,666,988
	<hr/>	<hr/>
	93,595,631	85,847,393

**11. WANG AMANAH - RM147,135**

1) Lain-Lain Sipiutang Wang Amanah

	2013 RM	2012 RM
	147,135	151,420
	<u>147,135</u>	<u>151,420</u>

12. KUMPULAN WANG TERKUMPUL RM 300,550,977

Baki pada 1 Januari 2013
Pelarasan tahun lalu
Lebihan bersih tahun semasa
Baki pada 31 Disember 2013

	2013 RM	2012 RM
	272,868,241	251,929,129
	-	(621,086)
	27,682,736	21,560,198
	<u>300,550,977</u>	<u>272,868,241</u>

13. KUMPULAN WANG PINJAMAN RM 1,379,525

Kumpulan wang pinjaman diluluskan
Komputer
Kenderaan

	2013 RM	2012 RM
	500,000	500,000
	1,000,000	1,000,000
(a)	<u>1,500,000</u>	<u>1,500,000</u>

Pinjaman kakitangan yang telah dikeluarkan
Komputer
Kenderaan

	28,717	27,592
	91,758	161,347
(b)	<u>120,475</u>	<u>188,939</u>

Kumpulan wang pinjaman bersih

(a) - (b) 1,379,525 1,311,061

Bayaran balik pinjaman
Kurang daripada 1 tahun
Lebih daripada 1 tahun

	60,049	63,912
	60,426	125,027
	<u>120,475</u>	<u>188,939</u>



4. KUMPULAN TABUNG AMANAH - RM 114,667,668

AKAUN AMANAH	Baki pada 1/1/2013 (a)	Terimaan/ Pelarasian (b)	Bayaran / Pelarasian (c)	Baki pada 31/12/2013 (d) = (a) + (b) - (c)
1. Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	1,302	82,500	81,798	2,004
2. Geran Penyelenggaraan Jalan (Marris)	1,631,054	20,026,468	14,045,977	7,611,545
3. Wang Caruman Pembinaan Interchange Persiaran Surian & Mahagony	15,670,396	3,368,113	383,759	18,654,750
4. Menaiktaraf Infrastruktur Kg. Kayu Ara	1,134,245	279,600	-	1,413,845
5. Pembinaan Jalan Harapan	5,026,962	2,261,673	51,300	7,237,335
6. Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)	19,288,328	6,445,615	7,154,581	18,579,362
7. Kajian RKK Sek.13, P. Jaya	2,422,357	40,237	2,457,305	5,289
8. Tabung Pembangunan Mampan	39,139	-	-	39,139
9. Caj Pemajuan	15,585,748	13,389,129	1,712,367	27,262,510
10. Program Zon Bersih MBPJ	893	100,000	87,676	13,217
11. Pembinaan Ramp/Terowong dari Kawasan PJU1A melintas NKVE	6,215,600	3,743,954	31,718	9,927,836
12. Tadika Rakyat	10,208	-	9,380	828
13. Tabung Hijau	724,178	20,400	163,214	581,364
14. Terowong Tropicana	375,158	332,766	39,785	668,139
15. Menaiktaraf Jalan Penchala	7,026,919	1,645,386	-	8,672,305
16. Menaiktaraf Infra Sek. 13, P.Jaya	5,314,560	6,757,840	-	12,072,400
17. Pembangunan Kompleks Bazaar Muhibbah, Kota Damansara	-	1,925,800	-	1,925,800
Jumlah	80,467,047	60,419,481	26,218,860	114,667,668



15. BANTUAN KERAJAAN TERTUNDA - RM 16,130,635

	2013 <u>RM</u>	2012 <u>RM</u>
15.1 Geran Kerajaan Tertunda		
Pembinaan Stadium Petaling Jaya	15,000,000	15,000,000
Kompleks Penjaja Jalan SS3/39	2,400,000	2,400,000
Jejantas di Jalan SS24/1	200,000	200,000
Dewan Serbaguna Persiaran Perdana	815,206	815,206
Pusat Peniaga Taman Sri Manja 4	799,619	799,619
Dewan Serbaguna SS 7/28, Kelana Jaya	1,386,883	1,386,883
Dewan Serbaguna SS 5A/15, Kelana Jaya	1,543,749	1,543,749
Memasang High Mast/Elektronik Score Board	2,998,829	2,998,829
Membina Dewan Masyarakat Taman Medan	1,399,881	1,399,881
Arena PJ	729,746	729,746
Dewan Sivik	2,000,000	2,000,000
Gerai Jalan Penchala	299,988	299,988
Gelanggang Futsal di SS 26/9	70,000	70,000
	<u>29,643,901</u>	<u>29,643,901</u>
Geran Kerajaan tertunda terkumpul direalisasikan 1995 -2012 (5%)	(18,900,751)	(17,418,556)
Geran Kerajaan tertunda direalisasikan 2013(5%)	(a) <u>(1,482,195)</u>	(1,482,195)
Baki Pada 31 Disember 2013	(b) <u>9,260,955</u>	10,743,150

15.2 Geran Keseimbangan Tertunda Yang Diterima Dalam Tahun

	2013 <u>RM</u>	2012 <u>RM</u>
2007	4,998,870	4,998,870
2008	2,451,300	2,451,300
2009	1,941,994	1,941,994
2010	3,419,715	3,419,715
2011	4,993,100	4,993,100
2012	3,482,917	3,482,917
2013	3,842,718	-
	<u>25,130,614</u>	<u>21,287,896</u>
Geran Keseimbangan Tertunda Yang Direalisasikan Dalam Tahun 2007 - 2012	(14,273,871)	(11,501,046)
Geran Keseimbangan Tertunda Yang Direalisasikan Dalam Tahun 2013 (c)	(3,987,063)	(2,772,825)
Geran Keseimbangan Tertunda Yang Belum Direalisasikan Pada 31 Disember 2013 (d)	6,869,680	7,014,025
Bantuan Kerajaan Tertunda Yang Direalisasikan Tahun Semasa (a) + (c)	<u>5,469,258</u>	<u>4,255,020</u>
Baki Bantuan Kerajaan Tertunda Pada 31 Disember 2013 (b) + (d)	<u>16,130,635</u>	<u>17,757,175</u>



16. LIABILITI LUAR JANGKA

16.1 Mahkamah Tinggi Shah Alam

Guaman Sivil No. MT1-21-259-2007

Seni Jaya Sdn. Bhd., Orion Mesra Sdn. Bhd. lawan Dato' Hj. Ahmad Termizi Bin Hj. Puteh, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Kes ini merupakan kes tuntutan akibat pecah syarat kontrak oleh MBPJ terhadap Syarikat Seni Jaya Sdn. Bhd. berhubung dengan pemberian konsessi paparan iklan luaran kepada syarikat.

Tuntutan

Pihak syarikat menuntut gantirugi melalui Pernyataan Pembelaan seperti berikut :-

- Tuntutan sebanyak RM79 juta atas paparan iklan bawah Paket A.
- Tuntutan gantirugi masa hadapan sebanyak RM62 juta.
- Tuntutan pemulangan semula sebanyak RM2.1 juta yang telah disumbang oleh plaintif kepada Kelab Sukan dan Kebudayaan MBPJ.

Status kes

Sambungan bicara pada 16 hingga 19 Julai 2014.

16.2 Mahkamah Tinggi Shah Alam

Suit No. 21NCVC-48-07/2013

Tyewei Marketing Sdn. Bhd. lawan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tuntutan gantirugi akibat pecah syarat perjanjian pembekalan tong kitar semula iaitu "3R Box Recycle Bin Media".

Tuntutan

RM72,077,120 faedah dan lain-lain kos yang akan ditaksirkan oleh Mahkamah.

Status kes

Perbicaraan penuh pada 26 sehingga 30 Mei 2014.

16.3 Mahkamah Sesyen Shah Alam

Writ Saman No. B51-9-03/2014

Hani Bin Mat Som lawan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tuntutan gantirugi kerana Majlis telah mengeluarkan notis penamatkan awal bagi kerja-kerja penswastaan perkhidmatan pembersihan awam di Seksyen 17.2 dan Seksyen 17.3, Petaling Jaya.

Tuntutan

RM855,745.92 faedah dan lain-lain kos yang akan ditaksirkan oleh Mahkamah.

Status kes

Pengurusan kes pada 28 Mei 2014.



مجلس بنداراي ڤتالينج جاي

DITERBITKAN OLEH:

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 603-79563544 FAKS : 603-79581494

